



CHE RANI/CHE DIN | BERITA HARIAN

KOTOR: Pelbagai jenis sampah terapung di Sungai Klang dan menyakitkan mata memandang.

BH 9/8/06

MPK pulih imej Sungai Klang

Penubuhan Unit Litter-Picking bukti kesungguhan Majlis Perbandaran Klang mahu saluran paling kotor kembali bersih

Oleh Fazallah Pit

KLANG: Sebut saja Sungai Klang, apa yang akan bermain di depan mata ialah kelikatan airnya yang kotor. Bagaikan berbayang-bayang di ruang mata, air keruh mengalir lemah dan sampah terapung hanyut tanpa arah.

Tanyalah siapa pun mengenai Sungai Klang, jawapan yang diterima pasti sama - kotor, busuk, jijik. Baunya yang hanyir bagaikan sudah sebatu dalam minda masyarakat.

Menyedari perkara itu, Majlis Perbandaran Klang (MPK) melaksanakan kerja dan kempen pembersihan sungai sepanjang 47 kilometer yang terletak dalam sempadan daerah Klang.

Penubuhan Unit Litter-Picking Sungai Klang membuktikan kesungguhan MPK dalam menangani masalah pencemaran sungai yang dianggap antara paling kotor di Selangor mahupun Malaysia.

Ditubuhkan sejak Jun lalu, unit itu berperanan mengutip sisa buangan di tebing sungai menggunakan dua atau tiga bot kecil, setiap hari seawal jam 7

pagi hingga 7 malam.

Bilangan petugas unit itu adalah lima hingga enam orang pada satu-satu masa dengan kawasan operasi antara Jambatan Musahidin hingga ke rumah pangsa kakitangan MPK di Jalan Tepi Sungai.

Mereka yang bertugas setiap hari termasuk Sabtu dan Ahad mengutip sampah purata antara satu hingga dua tan sehari. Kalau sebulan? Kiralah sendiri sampah yang mungkin pernah anda buang!

Sampah itu kemudian dibawa lori ke tapak pelupusan di Telok Kapas, Klang, manakala sebahagian sisa buangan khususnya tin minuman, diproses untuk dikitar semula.

Unit yang dipercayai pertama kali ditubuhkan di negara ini hasil cetusan ilham Yang Dipertua MPK, Abdul Bakir Zin, dijangka mengambil masa lama untuk membersihkan Sungai Klang.

"Kerja ini mungkin mengambil masa sebab sebahagian sampah dibawa dari daerah lain kerana Sungai Klang melalui beberapa daerah sebelum hanyut ke Klang," katanya kepada Sentral.

Beliau berkata, MPK juga membeli sebuah bot yang mampu membawa kira-kira 15 penumpang pada satu masa bagi menyusuri sebahagian Sungai Klang sejauh 20 kilometer.

"Tidak lama lagi, orang ramai boleh menaiki bot dan menyusuri Sungai Klang dengan sedikit bayaran, untuk menikmati keindahan alam sekitar. Ketika itu, Sungai Klang tidak lagi kotor.

"Kita sudah memulakan penyusuran sejak minggu lalu. Buat permulaan, kita bawa kakitangan jabatan kerajaan dulu. Selepas Unit Litter-Picking mencapai kejayaan, orang ramai boleh ikut," katanya.

Abdul Bakir juga memberi amaran, denda maksimum RM2,000 atau penjara sehingga setahun atau kedua-duanya, selain denda tambahan RM500 bagi setiap kesalahan, dikenakan jika membuang sampah ke sungai.

"Kita merancang banyak program bagi membersihkan Sungai Klang. Sebahagian sudah dimulakan termasuk Unit Litter-Picking ini, sebab itu kita tidak bertolak ansur dengan mereka yang membuang sampah di sungai," katanya.



“Kita merancang banyak program bagi membersihkan Sungai Klang**”**

Abdul Bakir Zin
Yang Dipertua MPK

FAKTA



Sungai Klang

- 210 kilometer panjang
- Sungai ini berpunca di Banjaran Titiwangsa berhampiran Empangan Klang Gate, Empangan Batu dan Ampang Intake
- Satu daripada sungai utama di Selangor
- Anak sungai membentuk Lembangan Sungai Klang dengan keluasan tadahan 1,290 kilometer persegi.



NI DIA: Seorang anggota Unit Litter Picking MPK menunjukkan sampah yang dikutip di Sungai Klang setiap hari.



TUGAS: Anggota Unit Litter Picking MPK mengutip sampah di Sungai Klang ke bot sebelum dihantar ke tapak pelupusan Telok Kapas.